

05/02/2001

Jawatankuasa tangani kepentingan Melayu ditubuh

KUALA LUMPUR, Ahad - Perhimpunan 'Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia' hari ini sebulat suara bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Petugas Khas untuk menangani segala permasalahan serta kepentingan orang Melayu.

Jawatankuasa diketuai pemimpin veteran, Tun Ghafar Baba itu akan merumuskan pelbagai cadangan berkaitan usaha mempertahankan ketuanan serta hak orang Melayu sebelum Jun ini untuk dikemukakan dalam bentuk memorandum bertajuk 'Kepentingan Melayu' kepada kerajaan bagi tindakan lanjut.

Cadangan penubuhan jawatankuasa itu yang turut disertai 21 tokoh veteran, cendekiawan Melayu, peguam, pakar ekonomi dan pendidik diumumkan pada akhir perhimpunan selama kira-kira tiga jam di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Perhimpunan anjuran Badan Bertindak Melayu (BBM) itu yang dijadual diadakan secara terbuka di Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru, ditukar ke PWTC atas nasihat polis bagi mengelak berlaku kejadian tidak diingini. Ia tidak disertai oleh pemimpin pembangkang yang menolak jemputan.

Selain Ghafar, hadir sama ialah pemimpin veteran Umno dari Melaka, Tan Sri Aziz Tapa; bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris; bekas Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie dan tokoh pendidik, Tan Sri Awang Had Salleh.

Dua timbalan menteri iaitu Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed (Kesihatan) dan Datuk Khalid Yunus (Penerangan) turut serta atas sifat peribadi dan berucap pada majlis itu.

Enam tokoh lain yang turut berucap pada majlis itu termasuk Ghafar yang diselangi dengan laungan 'Hidup Melayu'. Ia berlangsung dalam suasana tidak formal, tanpa protokol dengan semua tokoh Melayu serta mereka yang hadir duduk bersila di atas pentas dan lantai dewan.

Majlis diakhiri dengan ikrar sumpah setia untuk mempertahankan dan membela maruah, kepentingan dan martabat bangsa Melayu dan agama Islam oleh kira-kira 4,000 pesertanya, disusuli upacara melepaskan belon di luar Dewan Merdeka.

Ketua Penyelaras Sekretariat BBM, Datuk Paduka Ibrahim Ali berkata, Jawatankuasa Petugas Khas itu akan menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri di Putrajaya apabila siap nanti.

Katanya, memorandum itu akan turut menekankan mengenai pentingnya soal pendidikan diberikan perhatian, termasuk kemudahan biasiswa untuk pelajar Melayu sebagai hak istimewa yang perlu terus mereka nikmati.

Berucap pada majlis itu, Ghafar yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri berkata, jika kandungan memorandum itu dapat disiapkan lebih awal dari Jun ini, ia akan segera dikemukakan.

Antara lain, beliau membayangkan kemungkinan memorandum itu turut mencadangkan kepada kerajaan supaya dibentuk Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang kedua dengan tumpuan kepada jaminan untuk orang Melayu.

"Kita nak jaminan misalnya, ekuiti 30 peratus dalam DEB yang terdahulu dikekalkan dalam DEB kedua oleh sesiapa saja yang memerintah negara ini. Kita tidak mahu orang Melayu menjadi penonton dalam sebuah negara maju menjelang tahun 2000," katanya yang pada suatu ketika kelihatan sebak.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Ghafar yang juga bekas Timbalan Presiden Umno berkata, isi kandungan memorandum itu nanti diharap boleh memuaskan hati orang Melayu.

(END)

